

26 OCT 2002

Isa-Nilai

KERAJAAN NEGERI MAHU NILAI DAN GEMAS DIJADIKAN DAERAH BERASINGAN

MANTIN, 26 Okt (Bernama) -- Kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan kepada kerajaan Pusat untuk menjadikan Nilai dan Gemas sebagai sebuah majlis daerah yang berasingan.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata permohonan itu akan dikemukakan kepada kerajaan Pusat setelah semua urusan mengenainya disiapkan.

"Nilai kini di bawah Majlis Daerah Seremban. Kini daerah Seremban terlalu besar dan perlu bagi Nilai dijadikan sebuah majlis daerah yang berasingan.

"Tambahan jumlah penduduk di kawasan ini semakin meningkat kerana proses pembangunan yang pesat di daerah ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival 2002 Bayu Lakehomes dan penyerahan kunci kepada penduduk taman itu petang ini.

Turut hadir Pengerusi Island & Peninsular Berhad Datuk Mohd Zuki Kamaluddin, pemaju Bayu Lakehomes dan Pengarah Urusannya Dr Radzuan Abdul Rahman.

Sementara itu, Gemas kini bertaraf sebuah daerah kecil dan ia juga perlu dijadikan daerah penuh, kata Mohamed Isa.

Ditanya keputusan kerajaan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam untuk menghentikan sementara bantuan perkapita semua Sekolah Agama Rakyat berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit yang menyalahgunakannya bagi tujuan politik, beliau berkata langkah itu wajar dilakukan kerana bantuan kerajaan sepatutnya digunakan untuk kepentingan pembelajaran dan pengajaran.

Katanya, Jabatan Agama Islam negeri akan menyiasat sekolah-sekolah yang menyalahgunakan bantuan yang diberikan itu.

Sekolah terbabit harus menjalankan tugas mereka dengan ikhlas dan jujur, katanya.

"Kalau mereka tidak ikhlas dan menentang kerajaan, janganlah ambil bantuan yang diberikan kerajaan selama ini," katanya.

Setakat ini, tiada sekolah seumpamanya di negeri ini yang didapati bertindak begitu, tetapi siasatan terperinci akan dijalankan, katanya.

--BERNAMA

APG ZB